

# Anwar puas hati kemajuan kerja pembinaan Kapal Tempur Pesisir

BERITA HARIAN 16 JUN 2025

m/d 3

Perkembangan membanggakan bukti kerajaan tekankan tadbir urus baik, utama aset keselamatan

**Lumut:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau amat berpuas hati dengan kemajuan kerja-kerja pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) oleh Lumut Naval Shipyard (Lunas) di Pangkalan Tentera Laut Diraja (TLDM) di sini dan menyifatkannya sebagai membanggakan.

Perdana Menteri berkata kemajuan itu adalah bukti kerajaan meletakkan aset keselamatan negara sebagai keutamaan dan cerminan perubahan yang dibuat Kerajaan MADANI yang mementingkan tatakelola dan menekankan aspek 'tadbir urus baik'.

"Kita meletakkan peranan Angkatan Tentera Laut (TLDM) itu sebagai benteng yang utama kerana perairan negara tidak terlepas daripada pelbagai kegiatan kemungkinan terrorisme, kemungkinan serangan negara lain, penyeludupan, sebab itu saya setuju untuk meneruskan projek LCS di bawah Kementerian Kewangan.

"Pengalaman lepas (kelewatan) sebab pengurusannya, sebab tatakelolanya, sebab rasuahnya, kalau pengurusan itu lemah, bagaimana terjamin maritim ini selamat. Sebab itu kita tidak boleh lari daripada apa disebut 'good governance'," katanya berucap pada Program Kenduri Rakyat Menyantuni Warga TLDM Lumut sempena Program MADANI Rakyat 2025 Perak di Dewan Shariff, Pangkalan TLDM Lumut di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil.

Terdahulu Perdana Menteri melakukan lawatan kerja ke Lunas di Pangkalan TLDM Lumut, di sini bagi meninjau kerja-kerja pembinaan LCS.

## Tambah aset pertahanan

Sementara itu Anwar berkata, kerajaan juga sentiasa mengambil berat keperluan menambah baik aset pertahanan negara dan untuk tujuan itu kementerian pertahanan adalah antara kementerian diberikan peruntukan terbesar dalam belanjawan setiap tahun.

"Ini antara tiga (kementerian diberi peruntukan) terbesar... yang pertama pendidikan, kedua kesihatan dan ketiga pertahanan. Untuk tahun 2025 sahaja RM21.2 bilion ringgit, bayangkan bukan kecil bagi negara yang berkembang, kita beri peruntukan yang besar," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pertahanan dalam kenyataan



Anwar meninjau kerja pembinaan LCS ketika melakukan lawatan kerja ke Pangkalan TLDM Lumut, semalam.

(Foto L Manimaran/BH) +

berkata LCS 2 selesai menjalani proses diturunkan ke permukaan air pada 8 Mei lalu.

Kementerian itu berkata LCS 2 kini meneruskan kerja pembinaan seterusnya dan dirancang memulakan aktiviti fasa 'Setting to Work' pada September ini.

Pada awal Januari lalu, LCS 2 TLDM selesai menjalani proses 'blasting' dan pengecatan tahap

pertama, apabila pada bulan sebelumnya (Disember 2024), status kemajuan semasa bagi pembinaan LCS 2 mencapai 70 peratus siap.

Dalam pada itu, kenyataan sama juga memaklumkan, LCS pertama (LCS 1) berjaya diluncurkan ke permukaan air mengikut jadual kontrak pada 23 Mei 2024, kini LCS 1 sudah memulakan fasa 'Setting

to Work' bermula Mei 2025.

Ia memaklumkan LCS 1 dirancang menjalani aktiviti 'First Sea Sailing' (pelayaran pertama di laut) pada Disember ini.

Kementerian berkata, sehingga 25 Mei lalu, kemajuan kerja keseluruhan yang dicapai bagi pembinaan kelima-lima LCS adalah sebanyak 72.43 peratus.

BERNAMA